



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS : 4/2025

LAWATAN YB MENTERI BELIA DAN SUKAN KE INSTITUT KEMAHIRAN TINGGI BELIA NEGARA (IKTBN) SEPANG BAGI MENINJAU PELAKSANAAN PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN INKLUSIVITI BELIA AUTISME DAN BERKEPERLUAN KHAS

1. Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh telah mengadakan lawatan rasmi ke Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) Sepang bagi meninjau pelaksanaan **Program Latihan Kemahiran Inklusiviti Belia Autisme dan Berkeperluan Khas** pada 26 Februari 2025.
2. Lawatan ini dilaksanakan bertujuan memantau aktiviti pembelajaran yang disediakan untuk belia autisme dan berkeperluan khas serta berinteraksi dengan pelajar dan tenaga pengajar. Program Latihan Kemahiran Inklusiviti Belia Autisme dan Berkeperluan Khas merupakan inisiatif Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Institut Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) yang telah diperkenalkan sejak tahun 2018.
3. Program ini dapat membuka peluang kepada belia autisme dan berkeperluan khas untuk memperoleh kemahiran dan meningkatkan keyakinan diri serta membina masa hadapan yang lebih terjamin. **Sehingga kini, seramai 287 orang belia autisme dan berkeperluan khas telah menerima manfaat daripada program ini melalui 13 buah ILKBS di seluruh negara.**
4. Semasa lawatan hari ini, YB Menteri telah menyaksikan sesi latihan kemahiran yang dijalankan seperti bidang Pembuatan Roti, Komunikasi dan modul Asas Keusahawanan Digital. Program ini bukan sahaja memberi peluang kepada pelajar untuk membina kemahiran teknikal, tetapi turut mendedahkan mereka kepada bidang keusahawanan bagi membantu mereka menjana pendapatan sendiri.

5. Untuk program ini, KBS turut bekerjasama erat dengan pelbagai agensi dan NGO seperti The National Autism Society of Malaysia (NASOM), Yayasan GAMUDA Enabling Academy, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Yayasan Anak Istimewa Negeri Selangor (YANIS) dalam memperkasa latihan dan menyediakan peluang latihan industri kepada pelajar.
6. YB Menteri turut menzahirkan harapan agar program ini terus berkembang dan menjadi sumber inspirasi kepada lebih ramai ibu bapa untuk yakin dan memberi sokongan kepada belia istimewa dalam mencapai potensi mereka secara optimum. Menurut YB Menteri, pendidikan kemahiran yang inklusif bukan sahaja melahirkan individu yang lebih berdikari, tetapi juga memainkan peranan penting dalam menyokong pertumbuhan ekonomi negara secara mampan.
7. Sesi lawatan ini membuktikan komitmen berterusan KBS dalam memastikan belia autisme dan berkeperluan khas mendapat akses yang sama rata dalam bidang pendidikan dan latihan kemahiran. Usaha ini akan diperkasakan bagi memastikan pelaksanaan inisiatif untuk belia autisme dan berkeperluan khas kekal relevan dan selaras dengan Model Pembangunan Belia MADANI 2030 dan Pelan Pemerkasaan Sosioekonomi Belia 2030.
8. Turut hadir ke lawatan ini termasuk Ketua Setiausaha KBS, YBhg. Dato' Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik) KBS, YBrs. Puan Chan Hong Jin, dan Pengarah Kemahiran, YBrs. Puan Dalila binti Sharingat.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

26 Februari 2025